

9.3 Proses utama Bumi

Proses eksogen dan endogen


1. Berdasarkan pernyataan yang diberi, nyatakan 'Proses eksogen' atau 'Proses endogen'.

(a)	Proses yang berlaku di permukaan Bumi.
(b)	Proses yang berpunca daripada bahagian dalam Bumi yang membentuk dan mengubah permukaan Bumi.

2. Kelaskan proses Bumi kepada proses eksogen dan endogen dalam peta pokok di bawah.

Angkutan Hakisan Luluhawa Susutan jisim Aktiviti magma

Pengenapan Olakan mantel Susutan darat Pergerakan kerak Bumi (plat tektonik)



3. Kenal pasti jenis proses Bumi. Tuliskan jenis proses sama ada eksogen (Ek) atau endogen (En) dalam petak yang diberikan.

(a)



Pemecahan dan penguraian atau pereputan batuan akibat perubahan suhu, air hujan, tindakan fros dan mikroorganisma.

(b)



Penghausan di permukaan Bumi akibat tindakan agen-agen bergerak seperti angin, air dan ombak.

(c)



Pengenapan bahan yang telah diluluhawa atau terhakis yang diangkut oleh angin atau air pada dasar tasik atau laut.

(d)



Pemindahan bahan-bahan yang telah diluluhawa atau terhakis. Angin, ombak glasier dan sungai adalah contoh-contoh agen angkutan.

(e)




Pergerakan tanah, pasir atau serpihan batuan ke bawah cerun akibat tarikan graviti. Contoh: tanah runtuh.

(f)




Transformasi magma daripada pembentukannya, melalui letusan dan penyejukan di kerak, sehingga pemejalan menjadi batuan.

(g)



Teori yang menyatakan bahawa kerak luar Bumi dibahagikan kepada beberapa plat yang menggelongsor di atas mantel, disebabkan arus dalam mantel. Hanyutan benua berlaku. Semua benua berasal daripada satu benua besar.

(h)



Suhu tinggi dalam mantel dan teras Bumi menghasilkan arus-arus perolakan di lapisan astenosfera. Arus-arus ini berupaya menggerakkan kerak Bumi.